

24 MAY 1996

Rafidah - Wanita

EXCO WANITA MAHU KEKAL STATUS QUO

KUALA LUMPUR, 24 Mei (Bernama) -- Exco Pergerakan Wanita Umno mahu supaya status quo kepimpinan bagi jawatan Ketua dan Naib Ketua Pergerakan itu dikekalkan, kata Ketua Pergerakan Wanita Umno, Datuk Seri Rafidah Aziz.

Hasrat itu disuarakan pada mesyuarat Exco dengan perbincangan berkisar kepada pertandingan pucuk pimpinan pergerakan itu Oktober ini. Bagaimanapun, tiada kompromi dicapai sehingga mesyuarat berakhir kira-kira pukul 6.20 petang.

"Exco ada menyatakan hasrat supaya tidak perlu ada pertandingan tetapi tidak pula menghalang mereka yang mendaftar untuk bertanding, katanya kepada pemberita selepas mesyuarat lebih tiga jam di sini.

Katanya, Wanita Umno tetap mengamalkan demokrasi bagi membolehkan pertandingan diadakan walaupun ramai berpendapat lebih elok jika tiada pertandingan.

Rafidah yang juga Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri berkata walaupun sudah ada pihak-pihak yang mendaftar, tetapi itu cuma hasrat mereka dan belum tentu sama ada berlaku pertandingan.

Timbalan Menteri Kesihatan Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman telah mendaftar diri untuk bertanding jawatan Ketua Pergerakan Wanita mencabar Rafidah manakala Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat Datin Paduka Hajah Zaleha Ismail dan Senator Kamalia Ibrahim pula akan menentang Datuk Napsiah Omar bagi jawatan Naib Ketua Wanita.

Rafidah, menasihati mereka yang ingin bertanding itu supaya berkempen secara bersih dan mematuhi etika serta Perlembagaan parti.

Beliau mengingatkan Wanita Umno supaya jangan sekali-kali diperalatkan oleh mana-mana pihak dalam pertandingan pucuk pimpinan parti itu.

Menurutnya, mesyuarat bersetuju supaya semua anggota Parti Melayu Semangat 46 yang ingin menyertai Umno perlu membuat permohonan secara individu menerusi cawangan Umno.

Mesyuarat juga bersetuju supaya Pergerakan Wanita Umno membantu calon Barisan Nasional pada pilihan raya kecil Dewan Undangan Melaka kawasan Asahan, Melaka.

Rafidah berkata mesyuarat bersetuju menganjurkan Khusus Perdana Ketua-ketua Wanita Umno bahagian di seluruh negara di Langkawi selama dua hari mulai Ogos depan.

Katanya, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menyampaikan arah haluan perjuangan Umno kepada peserta kursus agar pemimpin wanita peringkat akar umbi dapat bertindak lebih positif dalam menjayakan perjuangan Umno di peringkat masing-masing.

Mesyuarat itu juga bersetuju untuk mengadakan Expo Pencapaian Ekonomi Bumiputera pada Ogos ini.

Dalam pada itu, Exco Wanita memberi sokongan padu kepada tiga anggotanya bertanding merebut kerusi Majlis Tertinggi Umno pada pemilihan parti Oktober ini.

Dua daripada calon itu -- Napsiah dan Zaleha ialah penyandang manakala muka baru yang diketengahkan ialah Setiausaha Parlimen kementerian Belia dan Sukan Sharizat Abdul Jalil. -- Bernama

SJA FAZ